

Tingkatkan penyelidikan arkeologi – Abdullah

MM - 12/9 1984: 2 Perdana

PULAU PINANG 11 Sept. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu penyelidikan arkeologi di negara ini ditingkatkan bagi menyokong usaha-usaha mengenai kajian sejarah dan pembentukan tamadun lama.

Perdana Menteri berkata, usaha tersebut yang merupakan salah satu elemen terpenting dalam kajian mengenai asal usul dan ketamadunan perlu disokong dengan peruntukan yang mencukupi oleh pihak-pihak berkaitan.

Beliau turut meminta Universiti Sains Malaysia (USM) yang memainkan peranan penting dalam bidang tersebut untuk meningkatkan mutu penyelidikan agar mampu muncul sebagai institusi rujukan kepada universiti-universiti luar negara.

“Masa jadi Menteri Pelajaran dahulu, saya sentiasa menekankan pentingnya sejarah kepada kita, kerana kalau kita tahu sejarah bangsa kita, ia tentu sekali memberi satu rasa kebanggaan

kepada kita.

“Semua ini jika kita pelajari akan memberi gambaran kepada kita bahawa di Malaysia ini sudah ada satu tamadun yang begitu lama pada masa dulu,” katanya ketika berucap pada majlis pelancaran buku *Arkeologi di Malaysia* di Dewan Budaya USM di sini hari ini.

Buku tersebut merupakan hasil tulisan dan catatan penyelidikan Pengarah Pusat Penyelidikan Arkeologi Malaysia, Profesor Datuk Dr. Siti Zuraina Abdul Majid.

Menurut Abdullah, penemuan dalam arkeologi dapat dijadikan bukti kepada pembentukan tamadun sesuatu kaum atau penduduk asal di sesebuah negara selain mempunyai hubungan dengan pembentukan identiti masyarakat.

“Kata orang tamadun lama apa hubungan kait dengan tamadun sekarang kerana kita hidup pada masa sekarang, tetapi sebenarnya apa yang berlaku pada masa dahulu menjadi satu daripada

identiti kita juga.

“Yang pentingnya kita perlu memahami sejarah tanah air kita ini, di Semenanjung Tanah Melayu ini apakah yang telah menjadi sumbangan daripada penduduk di kawasan ini.

“Semuanya boleh diperoleh jika kajian kita dalam bidang arkeologi ini akan dapat ditingkatkan,” katanya sambil menambah jumlah pelajar dan tenaga penyarah yang kecil dalam bidang itu tidak sepatutnya mempengaruhi hasil penyelidikan.

Tegas beliau, penekanan dalam menyokong usaha berkenaan akan tercapai jika pihak yang bertanggungjawab dapat membantu memberi peruntukan yang mampu menyokong usaha-usaha penyelidikan.

“Pihak yang diharapkan memberi peruntukan yang secukupnya juga (perlu) sama-sama memahami keadaan ini, kalau tidak tentu sekali bidang arkeologi ini tidak akan dapat mencapai kejayaan ini,” katanya.